

Mahathir - Negara  
TUJUAN AKHBAR BRITAIN HILANG KREDIBILITI NEGARA

KOTA BAHARU, 3 Mac (Bernama) -- Dr Mahathir Mohamad berkata akhbar-akhbar Britain membuat pelbagai tuduhan palsu terhadap kepimpinan negara ini kerana mereka hendak menghilangkan kredibiliti Malaysia dalam usaha penyelesaian beberapa masalah dunia.

Mereka berharap dengan memberikan gambaran yang buruk mengenai kepimpinan negara ini, suara Malaysia dalam arena antarabangsa tidak akan dihormati lagi, kata Perdana Menteri.

"Memanglah kita tidak dapat menentukan niat mereka yang sebenar kerana kita tidak boleh membaca hati mereka. Tetapi pada hakikatnya, serangan yang dibuat oleh akhbar-akhbar itu terhadap negara dan kepimpinannya boleh mendatangkan kesan yang mengurangkan kepercayaan kepada kita," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada perjumpaan dan dialog dengan Pegawai-pegawai Persekutuan di Dewan Wawasan, Maktab Perguruan Kota Baharu, Pengakalan Chepa di sini petang ini.

Beliau berkata oleh kerana mereka menguasai akhbar dunia, sebarang laporan mereka disebar dengan luas di seluruh dunia, sebaliknya penafian yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara tidak mungkin disebar begitu meluas. -- Lagi.

Mahathir - Negara 2 Kota Baharu

Dr Mahathir berkata, akhbar-akhbar itu tidak mahu ambil kira sama ada tuduhan yang disiarkan itu betul atau tidak kerana mereka mempunyai tujuan-tujuan tertentu.

Katanya, ini memaksa kerajaan mengambil tindakan dan tindakan yang dipilih ialah untuk tidak lagi memberikan kontrak kepada syarikat-syarikat Britain.

Beliau berkata cara itu diharap akan dapat menyedarkan mereka mengenai rasa tidak pusa hati rakyat negara ini terhadap mereka:

Katanya Malaysia bernasib baik kerana boleh mengambil tindakan seumpama itu, yang bukan semua negara membangun dapat melakukannya.

Beliau berkata ini kerana Malaysia tidak terlalu bergantung kepada bantuan mereka (Britain).

Katanya, Malaysia telah berjaya dalam pembangunannya sehingga, walaupun ia bergantung sedikit-sebanyak dengan mereka, tidaklah sampai mereka boleh menggunakan ekonomi untuk menekan negara ini.

"Kalau mereka cuba mempermain-mainkan kita, maka kita juga boleh mengambil tindakan."

Dr Mahathir juga berkata kerajaan pusat sedang menumpukan kepada usaha pembangunan untuk menjadikan Malaysia negara maju.

"Kerajaan mahu melihat penduduk negara ini mempunyai kecekapan dan menguasai ilmu yang boleh menentukan corak pembangunan kita, tanpa bergantung kepada pihak-pihak lain."

Bagaimanapun, katanya, kemajuan yang hendak dicapai itu bukanlah seperti kemajuan sesetengah negara seperti di Eropah, yang terlalu mengagungkan kebendaan.

Sebaliknya Malaysia ingin menjadi negara maju yang juga memiliki nilai-nilai murni.

Dr Mahathir berkata para pentadbir perlu menjalan tugas sebagai badan profesional yang melaksanakan segala dasar yang dibentuk oleh kerajaan yang dipilih.

Pengasingan dan perhubungan antara kerajaan yang dipilih dengan pentadbir merupakan satu perkara penting. Jika ini tidak difahami, mereka mungkin tidak dapat mentadbir negara ini dengan jayanya, kata beliau. -- Bernama.